MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA

Datuk Salleh Buang
Pengamal undang-undang dan bekas Profesor Tamu di Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

"Presiden Majlis Peguam Malaysia, Steven Thiru, mengingatkan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan Kelantan mengenai 'kewajipan' mereka melindungi hak tanah Orang Asli"

"Pada peringkat antarabangsa, hak Orang Asli mengenai tanah diiktiraf satu deklarasi *United Nations Declaration on the Right of Indigenous People (UNDRIP) dan dua Konvensyen ILO, Nombor 169 dan 107*"

"Dalam bahasa pasar, boleh kita simpulkan bahawa sistem Torrens dinikmati semua orang, kecuali masyarakat Orang Asli"

Orang Asli sekadar penyewa di tanah sendiri

BH 26/10/16 MS-10

dang mengikat, prinsip di dalamnya mencerminkan kedudukan undang-undang adat antarabangsa dan oleh itu hendaklah dipatuhi semua negara.

Dalam kes Sagong bin Tasi & Ors v kerajaan Selangor [2002] 2 AMR 2028, isu yang perlu diputuskan Mahkamah Tinggi Selangor pada 2002 adalah hak masyarakat Orang Asli Temuan (plaintif) ke atas tanah yang mereka duduki sekian lama (di Kampung Bukit Tampoi, Selangor), yang diambil oleh kerajaan bagi membina jalan raya menghala ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Mahkamah Tinggi Shah Alam memutuskan (pada 12 April 2002), berdasarkan prinsip undang-undang kes Adong, plaintif hendaklah jadikannya satu perkampungan baharu atau memberi milik kawasan itu untuk maksud pembangunan atau pertanian.

Akta Orang Asli 1954, satu undang-undang praMerdeka, mempunyai objektif khusus dan sempit, antaranya melindungi masyarakat ini daripada dipengaruhi pengganas komunis. Akta ini buat anggapan (yang kini dipersoalkan) bahawa masyarakat Orang Asli 'tidak mampu mentadbir diri dan memerlukan perlindungan pihak berkuasa untuk memelihara kepentingan dan kebajikan mereka'.

Mengenai hak Orang Asli pada tanah, ada pihak menyifatkan status mereka tidak lebih daripada *tenant at will* (penyewa yang boleh diusir pada bila-bila masa). Di bawah sistem Torrens negara ini

Kita kena akui hakikat bahawa masih sukar bagi masyarakat Orang Asli mendapatkan hak milik tanah. Misalnya, pada Mac lalu, hasrat masyarakat Orang Asli (terdiri daripada 147 pekebun kecil) mendapatkan hak milik tanah seluas 124 hektar di satu kawasan tidak jauh dari Teluk Intan tidak kesampaian. Walaupun mereka sudah usahakan (mengerjakan) tanah yang mereka duduki selama lebih 30 tahun, belum ada tanda-tanda menunjukkan permohonan mereka akan diluluskan kerajaan Perak.

Menurut ketua masyarakat mereka, Apung Bah Ai, Tok Batin Kampung Baru Pahlawan: "Kami sangat berharap permohonan mendapatkan hak milik tanah itu dapat segera diselesaikan kerana sudah terlalu lama kami menunggu".

Chuah Nago, berkata: "Apabila kami tanya Pejabat Daerah dan Tanah, mereka tuding jari kepada Jabatan Ukur. Apabila kami pergi ke Jabatan Ukur, mereka minta rujuk kepada Pejabat Daerah dan Tanah yang hingga sekarang masih tiada keputusan muktamad".

Terbaru, Presiden Majlis Peguam Malaysia, Steven Thiru, mengingatkan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan Kelantan mengenai 'kewajipan' mereka melindungi hak tanah Orang Asli. "Adalah tidak patut bagi Kerajaan Persekutuan melepaskan tanggungjawabnya dengan mengatakan bahawa ia tidak mempunyai kuasa berperlembagaan terhadap perkara berkaitan dengan tanah di Semenanjung," katanya.

Ini susulan peristiwa sekatan didirikan sekumpulan Orang Asli Temiar yang membantah aktiviti pembalakan di Hutan Simpan Balah, berhampiran Gua Musang. Menurut masyarakat Orang Asli di situ, pembalak menceroboh tanah adat Temiar. Sekatan mereka kemudian dirobohkan syarikat balak. Satu laporan polis kemudian dibuat wakil pihak Orang Asli, mendakwa pembalak 'melakukan ugutan jenayah' terhadap mereka.

Khabarnya, kerajaan Kelantan menegaskan, 'pembalakan adalah pendapatan utama negeri' dan kerajaan berhak mengeluarkan lesen pembalakan bagi mana-mana kawasan, termasuk kawasan 'yang bertindih dengan tanah adat Orang Asli.'

Pada peringkat antarabangsa, hak Orang Asli mengenai tanah diiktiraf satu deklarasi *United Nations Declaration on the Right of Indigenous People* (UNDRIP), dan dua Konvensyen ILO, Nombor 169 dan 107. Walaupun UNDRIP tidak mempunyai kuasa undang-undang, prinsip tersebut diberi pampasan kerana mempunyai hak di sisi undang-undang ke atas tanah berkenaan. Kerajaan Selangor asalnya enggan menerima keputusan Mahkamah Tinggi itu dan merayu ke Mahkamah Rayuan. Apabila rayuan ditolak (pada 19 September 2005), kerajaan Selangor merayu sekali lagi ke Mahkamah Persekutuan.

Pada hari rayuan didengar Mahkamah Persekutuan, kerajaan Selangor (pada masa itu di bawah pentadbiran Tan Sri Khalid Ibrahim) menarik balik rayuan dan kes itu diselesaikan pada 26 Mei 2010, dengan kerajaan negeri setuju membayar pampasan RM6.5 juta.

Tidak menikmati hak

Kita difahamkan, pada 2000, jumlah Orang Asli hanya sekitar 150,000 dan kini sekitar 170,000 orang, iaitu tidak lebih 0.6 peratus warganegara Malaysia. Mereka diklasifikasi sebagai Bumiputera tetapi selama ini tidak menikmati hak memiliki tanah seperti kaum Bumiputera lain. Hanya 12 peratus daripada 869 kawasan penempatan Orang Asli diwartakan sebagai kawasan rizab Orang Asli pada masa ini.

Mana-mana kawasan penempatan yang tidak (belum) diwartakan sentiasa dalam bahaya, kerana kerajaan negeri boleh beri lesen pembalakan di situ, mengikut sistem Torrens negara ini (yang diamalkan sejak 1890-an), hak milik seorang itu pada tanah hanya wujud dan tidak boleh disangkal selepas namanya didaftarkan dalam surat cara hak milik tanah.

Dalam bahasa pasar, boleh kita simpulkan bahawa sistem Torrens dinikmati semua orang, kecuali masyarakat Orang Asli. Memandangkan zaman sudah berubah, dan pascaMerdeka, Perkara 8 Perlembagaan menjamin hak kesamaratan, diskriminasi yang diwujudkan oleh akta 1954 ini tidak sewajarnya berterusan. Dengan lain perkataan, Akta Orang Asli 1954 boleh disifatkan sebagai bertentangan dengan Perlembagaan.

Pada 2016, tiga undang-undang hartanah utama kita sudah dipinda dan ditambah baik, iaitu Kanun Tanah Negara 1965, Akta Pengambilan Tanah 1960 dan Akta Hakmilik Strata 1985. Dua undang-undang hartanah lain, iaitu tanah rizab Melayu dan Orang Asli, semacam terlepas pandang atau dipinggirkan. Kenapa?

→ Pelajar di universiti awam dilihat terlalu 'dimanjakan', selain kegagalan pensyarah dan pembimbing menyediakan ilmu yang benar-benar dapat dimanfaatkan pelajar nanti. Ikuti kupasan lanjut, **Dr Shaharudin Idrus,** Prof Madya/Felo Kanan & Ketua Hal Ehwal Jaringan dan Industri (HEJIM), Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) UKM, esok.